

NO. SOALAN : 240

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN V. SIVAKUMAR
[BATU GAJAH]**

SOALAN :

YB. Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan anugerah-anugerah yang telah diberikan oleh Kerajaan setakat ini kepada karyawan-karyawan dan artis-artis tempatan dari kalangan kaum India yang memberi sumbangan dalam memperkayakan khazanah kebudayaan negara.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui jabatan/agensi di bawahnya sentiasa memberi sokongan kepada karyawan India dalam bidang seni dan budaya di atas sumbangan mereka dalam memperkayakan khazanah kebudayaan negara sama ada dalam bentuk anugerah mahupun pengiktirafan. Pengiktirafan tertinggi Warisan Kebangsaan selaras dengan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) telah diberikan kepada dua (2) Tokoh Orang Hidup kaum India iaitu Encik Kumaresan Karthigesu dalam bidang Seni Muzik Sitar pada tahun 2012 dan Puan Vatsala a/p G.R. Kurup dalam bidang Tarian Bharathanatyam dan Katakali pada tahun 2009. Antara pengiktirafan dan anugerah lain yang telah diberikan adalah seperti jadual berikut:-

BIL.	NAMA	NAMA ANUGERAH	TAHUN
1.	Encik Kumaresan Karthigesu	Anugerah Seni Negara Kategori Anugerah Karyawan Seni Muzik (Penggubah Muzik)	2009
2.	Encik John Ashley Thomas a/l Joseph	Anugerah Seni Negara Kategori Anugerah Bakat Seni Muzik (Pemuzik)	2009
3.	Dr. Danya Thurairajah	Anugerah Seni Negara Kategori Anugerah Bakat Muda (Penari)	2009
4.	Encik Kanagarajoo a/l Mekan	Anugerah Penggiat Seni Budaya Negeri Johor	2009

BIL.	NAMA	NAMA ANUGERAH	TAHUN
5.	Encik Armugam a/ Manikam	Anugerah Tokoh Seni Budaya Negeri Kedah (Bidang Tari)	2010
6.	Encik V.N Ramadas a/ Vengadasalam	- Adiguru Kraf Seni Seramik India (2012 hingga sekarang) - Anugerah Tukang Ulung Seni Kraf Seramik (2011)	2012 2011
7.	Encik Anthony Das a/ Sunderajah	Anugerah Tukang Ulung Seni Kraf Logam – Piuter (2012)	2012
8.	Encik Devaraj a/ Kandasamy	Anugerah Tukang Ulung Seni Kraf Seramik (2013)	2013
9.	Encik Krishnan a/ Rassapan	Anugerah Tukang Ulung Seni Kraf Seramik (2015)	2015
10.	Puan Sivam Selvaratnam	Penghargaan Khas Program Salut55 Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-55 Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara	2013
11.	Puan Nirmala Shanmughalingam	Penghargaan Khas Program Salut55 Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-55 Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara	2013

Sekian, terima kasih.